

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]
SOALAN : 520

DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi pemilikan ekuiti dan pendidikan yang akan dilaksanakan agar ianya dapat mencapai matlamat untuk kemakmuran bersama semua rakyat Malaysia.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 yang lalu telah menetapkan matlamat dan sasaran yang jelas dan boleh diukur. Antara lain, penekanan WKB adalah untuk menangani isu jurang ekonomi yang membelenggu rakyat Malaysia. Untuk mendepani isu ini, kumpulan yang paling terkesan dengan kewujudan jurang dalam ekonomi negara perlu dikenal pasti. WKB telah menambah baik definisi serta sasaran ekonomi sedia ada secara lebih komprehensif.
2. Di bawah WKB, pelbagai inisiatif akan dilaksanakan untuk memastikan peningkatan penyertaan semua etnik dalam perolehan Kerajaan di samping

memberi penekanan khusus kepada pewujudan pekerjaan berpendapatan tinggi. Peranan sektor swasta dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) turut digembleng dalam menjamin kesaksamaan dalam WKB. Walau bagaimanapun, dalam mencapai sasaran pemilikan ekuiti yang ditetapkan, Kerajaan akan memberi fokus bukan sahaja kepada keberhasilan Bumiputera malah kepada semua kaum di negara ini.

3. Kerajaan yakin dan percaya langkah-langkah ini akan dapat menjamin peningkatan kepada pegangan ekuiti bukan sahaja etnik Bumiputera malah seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum mengecapi taraf hidup wajar atau “*decent standard of living*” pada tahun 2030.

Sekian, terima kasih

LAMPIRAN

Laporan Pemilikan Ekuiti Korporat

(Sumber: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi)